

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menggalakkan "low cost carrier" samaada syarikat tempatan atau antarabangsa supaya rakyat Malaysia boleh menikmati tambang kapal terbang yang lebih ekonomik.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak syarikat penerbangan tambang murah (*low cost carrier* – LCC) AirAsia memulakan operasinya di Malaysia pada tahun 2001, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menyokong, memudahcara dan menggalakkan perkhidmatan penerbangan tersebut bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati tambang kapal terbang yang lebih ekonomik di samping merancakkan ekonomi dan industri pelancongan dalam dan luar negara.
2. Salah satu langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan ialah dengan membina sebuah Terminal Tambang Murah di KLIA sebelum ini dan kini klia2 yang antara lainnya adalah bagi tujuan untuk menyokong dan menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat penerbangan LCC. Perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan di klia2 dan lain-lain lapangan terbang di Malaysia memberikan kemudahan kepada semua syarikat penerbangan tambang murah untuk beroperasi dengan lebih efisien.
3. Menurut Syarikat AirAsia, syarikat penerbangan tambang murah di serata dunia memilih untuk menggunakan tangga daripada jambatan udara (*aerobridge*). Tempoh masa antara pendaratan kapal terbang dan berlepas (*turnaround time*) bagi syarikat LCC adalah dalam lingkungan 25 minit. Penggunaan tangga untuk menurunkan penumpang dan menaiki pesawat membolehkan kedua-dua pintu depan dan belakang digunakan serentak. Dalam hubungan ini, disiplin untuk terus mengekalkan tempoh di bawah paras 25 minit adalah sangat penting untuk semua syarikat penerbangan LCC.
4. Dalam hubungan ini, Kerajaan melalui MAHB dan Senai Airports Sdn Bhd telah menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut selari dengan model perniagaan dan konsep penerbangan tambang murah yang dipraktikkan oleh AirAsia dan lain-lain syarikat penerbangan tambang murah.

NO. SOALAN : 1

5. Selain itu, terdapat beberapa insentif yang ditawarkan di bawah strategi pemasaran yang dilaksanakan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) seperti *Airline Incentive Programme (AIP)* dan *Joint International Tourism Development Programme (JITDP)* bagi tujuan menggalakkan syarikat penerbangan LCC sama ada tempatan ataupun antarabangsa untuk menawarkan perkhidmatan mereka ke/ dari Malaysia supaya rakyat mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan bagi mendapatkan harga tambang kapal terbang yang lebih ekonomik.

6. Pihak Kementerian Pengangkutan dan MAHB sentiasa mengadakan promosi bagi menggalakkan lebih banyak syarikat penerbangan LCC beroperasi di Malaysia. Sejajar dengan tindakan promosi tersebut, selain AirAsia beberapa syarikat tambang murah daripada pelbagai negara telah memulakan operasi di Malaysia seperti Indigo (India), Scoot (Singapura), Batik Air (Indonesia) dan Vietjet Air (Vietnam).

7. Berasaskan galakan dan fasilitasi yang diberikan oleh Kerajaan dan MAHB kepada LCC, kini syarikat LCC telah hampir menyaingi syarikat penerbangan tambang penuh dengan dominasi pasaran KLIA di mana nisbah dominasi antara LCC dan Full Service Carrier (FSC) adalah masing-masing sebanyak (48% LCC - 52% FSC). Senario peratusan komposisi LCC di KLIA ini adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan hab utama dunia lain yang jelas mempunyai komposisi peratusan LCC yang jauh lebih rendah seperti Changi Airport (27% LCC), Dubai International Airport (18% LCC) dan Heathrow Airport dengan (34% LCC).

Sekian, terima kasih.